



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 15/2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita memaklumkan bahawa Baginda telah memperkenankan supaya kadar Elaun Sara Hidup yang dihulurkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pekerja-pekerja bergaji hari dan open vote dan pegawai-pegawai yang menerima elaun semasa berkhidmat atau mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Secara Penuh di luar negeri dipinda seperti yang terkandung di dalam Surat Keliling ini.

2. Kadar-kadar Elaun Sara Hidup di perenggan 1 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/1998 bertarikh 23 Julai 1998 dipinda seperti berikut:-

	Kadar Lama	Kadar Baru
Bahagian I	\$80 sebulan	Tidak berubah
Bahagian II	\$100 sebulan	Tidak berubah
Bahagian III	\$120 sebulan	Tidak berubah
Bahagian IV dan kebawah	\$140 sebulan	\$170 sebulan

3. Kadar baru ini tidak akan diberikan kepada kakitangan ambilan tempatan di Kedutaan-Kedutaan ataupun Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negeri.

4. Syarat-syarat lain di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/1998 bertarikh 23 Julai 1998 tersebut adalah masih dikekalkan.

5. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai daripada 19 Jamadilakhir 1427 bersamaan 15 Julai 2006.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN)

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

Rujukan: (15) JPM/SK/2006
Tarikh: 02 Rejab 1427
27 Julai 2006